

Kumpulan sederhana diminta sokong BN

25 AUG 1990

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta kumpulan berfahaman sederhana menyokong Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kerajaan yang memerintah negara ini diwakili semua kaum.

Menurutnya, kerajaan BN yang mengamalkan konsep perikatan, mengambil kira masalah semua kaum secara adil tanpa menimbulkan sebarang pergaduhan, seperti di negara lain. "Penduduk negara ini dapat hidup aman kerana diperintah oleh parti gabungan yang mendapat sokongan semua kaum, termasuk Melayu, Cina dan India," katanya di majlis jamuan anjuran Dewan Perhimpunan Cina Kedah/Perlis di sini, malam tadi.

Menteri Besar, Datuk Seri

Haji Osman Aroff, dan beberapa menteri Kabinet dan Ahli Exco Negefi, turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerjasama semua kaum itu bagaimanapun mendapat tentangan puak ekstrimis sehingga mereka meninggalkan Umno dan MCA untuk menubuhkan parti lain.

"Walaupun ada golongan ekstrimis tidak mahu menyokong kerajaan, sokongan majoriti semua kaum boleh membentuk kerajaan yang kuat," katanya.

Perdana Menteri berharap penduduk tidak terpengaruh dengan hasutan puak ekstrimis kerana kumpulan itu hanya berjuang untuk satu kaum, sedangkan BN mengambil kira masalah semua kaum.

"Konsep BN atau Perikatan, iaitu orang yang tidak ekstrim

bekerjasama untuk kebaikan semua pihak serta melupakan masalah kaum bagi membentuk negara yang aman," katanya.

Bellau berkata, kejayaan Malaysia mencapai kemerdekaan juga menyebabkan komunis sukar mendapat sokongan sehingga terpaksa meletakkan senjata, Disember tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, rakyat harus bangga kerana Malaysia yang dulunya sebuah negara pertanian, kini menjadi sebuah negara perindustrian yang berupaya mengeluarkan pelbagai barangan sendiri.

"Sekarang ini syarikat asing mengendalikan perusahaan itu, tetapi saya percaya pada masa akan datang semua barangan itu boleh dikeluarkan oleh syarikat kita sendiri," katanya.